

14 JUN 2003

Khair-Umno

MB SELANGOR MAHU TARIK RAMAI LAGI MELAYU SERTAI UMNO

KLANG, 14 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berazam menarik ramai lagi orang Melayu di negeri itu menyertai Umno bagi memperkukuhkan parti itu.

Beliau yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Selangor berkata agenda untuk "mengUmnokan" orang Melayu di Selangor akan diteruskan.

Dr Mohamad Khir berkata walaupun Umno Selangor berjaya menambah 42,000 anggota baru, ia tidak bermakna usaha menambah anggota baru berakhir.

"Kita akan usahakan dan teruskan program-program. Kita nak tarik lebih ramai ahli ke dalam Umno," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis mesra rakyat di Teluk Panglima Garang, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata usaha Pergerakan Pemuda dan Puteri Umno Selangor yang berjaya menarik 12,000 anggota baru dalam tempoh dua bulan, membayangkan bahawa Umno semakin diterima golongan muda.

"Semangat orang muda sudah kembali dengan Umno. Saya juga lihat sekarang semakin ramai orang muda berani memakai baju Umno di Selangor ini," katanya.

Dr Mohamad Khir berkata Umno perlu kukuh kerana ia akan menjamin kerajaan yang stabil.

Beliau berkata kekuatan Umno akan memberi kekuatan kepada parti komponen Barisan Nasional yang lain.

Perhimpunan Agung Umno ke-57 akan berlangsung dari 17 hingga 21 Jun, di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Perhimpunan itu bakal merupakan perhimpunan terakhir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno. Beliau mahu berundur Oktober depan.

--BERNAMA

LES ZB